

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

PADA

31 JULAI 2015

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Julai 2015 ini.

2. Tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Untuk makluman semua, pada tahun ini LLM tidak mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri secara besar-besaran, tetapi dengan kerjasama BKSS dan Koperasi LLM, majlis ini akan diadakan secara sederhana di kalangan warga LLM dan bekas pesara pegawai dan kakitangan LLM. Sambutan ini walaupun diadakan secara sederhana ianya tetap diadakan untuk tujuan mengeratkan lagi silaturahim atau ukhwah sesama warga LLM. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin berterima kasih kepada BKSS dan Koperasi LLM atas penganjuran sambutan hari raya pada tahun ini.

PENGOPERASIAN PLAZA TOL LPT

3. Seperti sedia maklum, pengoperasian plaza tol LPT2 telah bermula pada 7 Julai 2015 di mana melibatkan 10 plaza tol di sepanjang jajaran LPT2. Pengoperasian plaza tol LPT2 yang dikendalikan oleh PLUS Bhd adalah untuk mengelak berlakunya kesesakan di Plaza tol Jabor. Jika sebelum ini pengguna

yang ingin menggunakan LPT2 dari LPT1 perlu membuat pusingan U di plaza tol Jabor, kini tidak perlu lagi. Pengguna boleh menikmati perjalanan tanpa henti dari LPT1 ke LPT2 dan hanya perlu membuat bayaran tol untuk keluar dimanapun plaza tol LPT2.

4. Namun begitu, sewaktu musim perayaan Aidilfitri, kesesakan yang teruk berlaku di Plaza Tol Kuala Terengganu telah memaksa trafik yang ingin ke Pantai Timur keluar menggunakan Jalan Persekutuan atau Jalan Negeri. Satu postmortem bagi pengurusan trafik di LPT2 agar penyuraian trafik akan lebih lancar terutama di plaza tol. Syukur kita telah dapat kerjasama yang penuh dengan PDRM, RELA dan JKR untuk menyuraikan trafik yang sesak pada waktu itu. Tidak lupa juga kepada Pejabat Wilayah Timur dan Pasukan Peronda LPT2 yang telah berkhidmat dengan terbaik dalam usaha memberi keselesaan kepada pengguna LPT2.

PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT BANDAR AINSDALE

5. Persimpangan Bertingkat Baru Seremban atau dikenali dengan Persimpangan Bertingkat Bandar Ainsdale telah dibuka kepada pengguna lebuh raya pada 10 Julai yang lalu. Persimpangan bertingkat ini juga bakal bertindak sebagai laluan alternatif bagi pengguna yang hendak ke Bandar Seremban.

Secara tidak langsung, ianya juga akan dapat mengurangkan kesesakan trafik di laluan utama Lebuhraya Utara-Selatan. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 2 April 2012 dan berjaya disiapkan mengikut jadual pada 30 Jun 2015. Tahniah diucapkan kepada Pasukan Projek yang telah menguruskan projek ini dengan kerjasama yang erat antara agensi kerajaan pusat, kerajaan negeri dan pihak swasta.

PELAKSANAAN KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA

6. Bermula 9 September 2015, 12 plaza tol akan melaksanakan kutipan tol elektronik sepenuhnya. Ini merupakan salah satu inisiatif untuk mengurangkan kesesakan di lebuhraya. Saya berharap dengan maklum balas-maklum balas yang kita terima sewaktu pelaksanaan kutipan tol elektronik sepenuhnya di plaza-plaza tol sebelum ini seperti Plaza Tol Batu 3 dapat dijadikan panduan bagi melancarkan pelaksanaannya di 12 plaza tol:

- i. Plaza Tol Jitra, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS);
- ii. Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, PLUS;
- iii. Plaza Tol Lunas, Lebuhraya Kulim-Butterworth (BKE);
- iv. Plaza Tol Kubang Semang, BKE;
- v. Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang;
- vi. Plaza Tol Gombak, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK);
- vii. Plaza Tol Bentong, KLK;
- viii. Plaza Tol Dato' Keramat, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH);
- ix. Plaza Tol Ayer Panas, Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE);

- x. Plaza Tol Sentul Pasar, DUKE;
- xi. Plaza Tol Batu, DUKE; dan
- xii. Plaza Tol Lebuhraya SMART.

OPS SELAMAT 7

7. Menyambut kedatangan bulan Syawal untuk merayakan kemenangan selepas sebulan berpuasa dibulan Ramadhan telah menjadi satu amalan tradisi di negara kita pada setiap tahun. Ianya merupakan peluang untuk kita berkumpul serta beramah mesra bersama-sama keluarga di kampung halaman masing-masing.

8. Namun begitu, dikala kegembiraan untuk pulang ke kampung halaman, kadar kematian di lebuhraya telah meningkat sepanjang pelaksanaan Ops Selamat 7 yang telah bermula pada 10 hingga 24 Julai 2015. Sejumlah 999 kemalangan telah dicatatkan di semua rangkaian lebuhraya bagi tempoh 2 minggu pelaksanaan operasi bersepadu tersebut. Daripada 999 kemalangan tersebut, 37 daripadanya merupakan kemalangan maut yang mengakibatkan **42 mangsa terkorban**. Berdasarkan perbandingan kepada Ops Selamat ke-5 yang dilaksanakan pada Hari Raya Aidilfitri 2014, **jumlah kemalangan telah mencatatkan peningkatan kes sebanyak 12.1 % dan peningkatan jumlah kematian sebanyak 110 %**. Statistik juga menunjukkan bahawa jumlah tertinggi kemalangan maut adalah daripada penunggang motosikal iaitu 22 orang atau 52%.

9. Kajian perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti punca sebenar peningkatan kadar kemalangan dan kematian. Selain itu langkah-langkah mitigasi yang diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan juga perlu dipertingkatkan. Kita cuba sedaya upaya untuk mengurangkan kadar kemalangan namun ianya sukar disebabkan sikap pemandu yang tidak berhemah ketika memandu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

ANUGERAH BERPRESTASI BAIK DAN PERSARAAN

10. Kecemerlangan adalah satu tolok ukur pencapaian terbaik terhadap sesuatu. Ianya merupakan pencapaian tertinggi yang dapat diraih dalam sesuatu penilaian dan ia termasuklah dari segi prestasi kerja. Pada tahun ini , Anugerah Berprestasi Baik (ABB) tetap diteruskan dengan penambahbaikan kriteria bagi menghargai kakitangan yang telah menunjukkan prestasi yang baik dan tidak dapat dicalonkan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2014.

11. Anda semua merupakan aset berharga kepada LLM. Atas jasa dan perkhidmatan yang dicurahkan membantu LLM dalam mencapai misi, visi serta objektif. Tanpa adanya anda semua dalam sesebuah organisasi dapat

diibaratkan seperti kereta tanpa enjin. Walaupun kereta dari luarannya nampak sempurna tetapi ia tidak dapat berfungsi jika tidak ada enjinnya. Jadi, sama seperti sebuah organisasi. Jika tidak ada kakitangan, ia tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

12. Ini sudah tentunya kepada kakitangan LLM yang akan bersara secara pilihan telah mencurahkan lebih daripada separuh usia mereka untuk berbakti untuk LLM dan umumnya untuk rakyat Malaysia. Saya bagi pihak pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan rasa hormat dan berbesar hati mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan yang akan bersara pada tahun ini di atas jasa dan khidmat yang telah dicurahkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

ISU PERKAUMAN DAN PENYEMBARAN BERITA PALSU

13. Baru-baru ini, negara kita telah dikejutkan dengan isu pergaduhan yang telah menyebabkan tercetus sentimen perkauman yang berlaku di sebuah pusat jualan barangan elektronik di Kuala Lumpur. Situasi ini amat membimbangkan masyarakat, tidak hanya warga di sekitar Kuala Lumpur sahaja, malah seluruh rakyat Malaysia dengan viralnya rakaman pergaduhan tersebut di laman media sosial dan komen-komen yang boleh mencetuskan salah faham dan isu perkauman.

14. Apa yang ingin saya tekankan disini, kita sebagai individu yang tinggal di negara yang berbilang bangsa dan kaum ini, haruslah peka terhadap hal-hal sensitif seperti isu yang berhubungan dengan perkauman. Ini kerana ia memungkinkan ketidak senangan pihak lain, dan hal seperti pergaduhan dapat berlaku. Saya ingin mengingatkan kepada semua warga LLM haruslah berhati-hati dan bijak dalam menilai sesuatu perkara terutamanya di laman media sosial, sebelum menyebarkan sesuatu berita. Mengenal pasti sumber yang sahih merupakan hal yang perlu dititikberatkan sebelum menyampaikan sesuatu berita di media sosial. Ini kerana, keterbukaan media sosial kepada pengguna memungkinkan berita palsu disebar dengan pantas

Hadirin yang dihormati sekalian,

PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM 2015

15. Pada 14 Mei yang lalu, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan pekeliling kemajuan pentadbiran yang telah diperbaharui yang bertujuan untuk memperkasakan agensi berteraskan enam prinsip di bawah gagasan Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA). Panduan ini menerangkan pembudayaan **enam prinsip MPA**, iaitu **keterbukaan, musyawarah, turun**

padang, insaniah, kekitaan serta kerjasama antara awam, swasta dan badan bukan kerajaan. MPA menyediakan satu kerangka menyeluruh dan seimbang yang mengambil kira aspek institusi dan individu. Dalam konteks institusi, pembangunan keupayaan yang merangkumi elemen kebajikan, budaya, teknologi, persekitaran kerja, struktur, sistem dan prosedur kerja merupakan antara faktor penting dalam usaha pengukuhan organisasi. **Enam prinsip** merakmatkan perkhidmatan Awam:

i. Keterbukaan

Setiap penjawat awam perlu bersedia untuk menerima teguran dalam menjalankan tugas. Keterbukaan dalam konteks ini bermakna setiap cadangan dan kritikan ialah sesuatu yang berguna untuk memperbaiki kelemahan dan memantapkan lagi mutu kerja dan perkhidmatan.

ii. Turun Padang

Turun padang merupakan salah satu prinsip yang berkesan untuk melawat atau melihat sendiri dan seterusnya melunaskan atau menyelesaikan permasalahan dengan segera. Prinsip ini terus diberikan penekanan kerana turun padang dilihat sebagai lebih efektif dalam memahami permasalahan warga kerja dan menghayati denyut nadi rakyat.

iii. Musyawarah

Musyawarah ialah proses pembahasan sesuatu persoalan yang bertujuan untuk mencapai keputusan bersama. Melalui pendekatan ini, sebarang perbezaan pendapat yang berterusan dapat dihindari dan seterusnya membantu mencapai kesepakatan yang utuh. Interaksi penjawat awam dengan pelbagai pihak melalui pelbagai saluran dapat mempercepat proses mendapatkan maklum balas, idea dan pandangan. Jangkaan pelanggan harus difahami terlebih dahulu. Dengan itu, persefahaman dan kesepakatan yang erat terjalin antara rakyat dengan kerajaan dapat meminimumkan persepsi yang berbeza.

iv. Insaniah

Penjawat awam yang cemerlang merupakan penjawat awam yang seimbang dari sudut kerohanian dan fizikal. Pekerjaan yang dilakukannya pula bukanlah semata-mata untuk meraih pendapatan setiap bulan, malah menjadikan pekerjaan itu sebagai ibadah yang membawa keberkatan. Mencari keredaan Tuhan, bekerja dengan tekun, cekap dan bersungguh-sungguh merupakan antara prasyarat kerja yang dinilai sebagai ibadah. Menyedari hakikat ini, maka penjawat awam akan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan produktiviti pada setiap masa tanpa rasa jemu.

v. Kekitaan

Kekitaan boleh didefinisikan sebagai semangat persaudaraan dan bekerjasama dalam sesuatu kumpulan yang dipamerkan oleh warga kerja. Pembuktian komitmen ini dapat dilihat melalui sikap untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh, bertanggungjawab, berkorban masa dan tenaga serta sanggup berkongsi sumber dan kepakaran merentas bahagian dan agensi demi menjayakan objektif kewujudan perkhidmatan awam.

vi. Kerjasama Awam-Swasta-Badan Bukan Kerajaan

Kerjasama dan penglibatan antara kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan amatlah penting dalam menjayakan sesuatu program dan projek yang memberi manfaat kepada rakyat. Gandingan kerjasama ketiga-tiga pihak ini perlu dalam membentuk rasa pemilikan bersama. Semua pihak harus bersepakat berkongsi sumber dan pengetahuan untuk memacu pembangunan negara.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu"Alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.